

PERATURAN PEMARKAHAN KERTAS 2

BAHAGIAN A : SISTEM DAN APLIKASI BAHASA

[35 markah]

SOALAN 1 : MORFOLOGI

1. Berikan 1 markah bagi setiap perkataan yang betul.
2. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
3. Hanya **EMPAT** perkataan dan **EMPAT** ayat yang terawal sahaja diterima.
4. Frasa digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
5. Frasa digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
6. Sengaja menambahkan / menukarkan imbuhan, berikan 0 markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak ½ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua frasa digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
10. Isi tidak jelas, tolak ½ markah.

[Maksimum : 4 markah untuk perkataan]

[Maksimum : 4 markah untuk ayat]

Bil	Kata Sendi Nama	Penggunaannya
1	pada	Untuk masa, manusia, binatang, benda abstrak, dan benda konkrit tertentu
2	dengan	Menyatakan maksud Bersama-sama atau serta, bandingan setara, keterangan cara dan penggunaan sesuatu sebagai alat
3	daripada	Untuk orang, perbandingan, asal kejadian, unsur abstrak, pertentangan dan untuk menunjukkan keanggotaan.
4	di	Untuk tempat
5	untuk	Menunjukkan tujuan digunakan untuk sesuatu, menyatakan bahagian yang ditentukan

SOALAN 2 : SINTAKSIS

Bil.	Ayat	Jenis Ayat
1	Wah, tahniah!	(Ayat Seruan)
2.	Awak pula bagaimana?	(Ayat Tanya)
3.	Saya tidak senasib dengan awak.	(Ayat Penyata)
4.	Janganlah sedih sangat.	(Ayat Perintah)
5.	Mereka dari dapur	(Ayat Penyata)
6.	Man, sudah isi borang untuk ke kolej yang Man cakap hari tu?	(Ayat Tanya)

[Maksimum : 6 markah]

SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Petikan 1			
Bil	Kesalahan	Pembetulan	Jenis kesalahan
1	di	dalam	tatabahasa
2	tanggung jawab	tanggungjawab	ejaan
3	penyaluran	penyalur	imbuhan
4	kosong	palsu / salah	istilah
5	dari	daripada	tatabahasa
Petikan 2			
1	umum	awam	istilah
2	stress	stres	ejaan
3	pelajar dihadapi	dihadapi oleh pelajar	tatabahasa
4	tegangan	ketegangan	imbuhan
5	menghadap	menghadapi	imbuhan
6	samada	sama ada	ejaan

SOALAN 4 : BAHASA MELAYU STANDARD

Pada suatu hari, Tun Perak datang menghadap, dia duduk di tanah bersama-sama orang ramai. Kata bentara yang bergelar Seri Amerta kepada Tun Perak, “Tuan Tun Perak, semua orang Kelang ini menghadap baginda untuk mengadu masalah mereka ke bawah Duli Yang Dipertuan. Orang teluk rantau lain yang menghadap semuanya laki-laki sahaja; tetapi / namun orang Kelang ini dibawa menghadap oleh Tun Perak bersama-sama / dengan perempuan sekali. Mengapakah sikap / perangai / tingkah laku / kelakuan tuan demikian?”

Pemarkahan Soalan 4 mengikut Kriteria dan Deskripsi berikut ;

Kriteria	Deskripsi	Markah
Baik	<ul style="list-style-type: none"> • Isi cukup • Ayat gramatis 	6
Sederhana	<ul style="list-style-type: none"> • Isi masih cukup • Ayat masih gramatis 	4
Lemah	<ul style="list-style-type: none"> • Isi tidak cukup • Ayat tidak gramatis 	2

[Maksimum : 6 markah]

SOALAN 5 : PERIBAHASA

1. Berikan **2 markah** bagi setiap peribahasa yang dapat dinyatakan dengan tepat.

JAWAPAN

1. Langkah kanan
2. Genggam bara api biar sampai jadi arang.
3. Duduk sama rendah, berdiri sama tinggi.

[Maksimum : 4 markah]

BAHAGIAN B : PEMAHAMAN
[35 markah]

Perhatian bagi Soalan 6, 7 dan 8 (i)

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman

i. Soalan 2 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Jawapan tepat mengikut konteks/isi cukup dan ayat gramatis	2
– Jawapan kurang tepat/isi tidak cukup	1
– Jawapan tidak tepat/salah	0

ii. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
– Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis – Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

iii. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
– Isi cukup dan lengkap/relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
– Isi cukup dan lengkap/relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
– Isi tidak cukup/kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
– Isi tidak cukup/kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
– Isi tidak betul/tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

SOALAN 6- PETIKAN UMUM

(i)	Berdasarkan Bahan 1 , Berikan maksud rangkai kata <i>kepentingan peribadi</i> . <ul style="list-style-type: none"> - mengutamakan diri sendiri - mengutamakan peribadi <p style="text-align: right;">[2 markah]</p>
(ii)	Merujuk bahan 1 dan bahan 2 , nyatakan masalah-masalah dalam pembangunan atlet remaja negara. <p style="text-align: right;">[3 markah]</p> <p>Bahan 1</p> <ul style="list-style-type: none"> - wujudnya masalah kerena birokrasi dalam persatuan sukan - terdapat segelintir atlet muda yang tidak berdisiplin - tidak mempunyai daya saing yang tinggi <p>Bahan 2</p> <ul style="list-style-type: none"> - kebanyakan majlis sukan negeri tidak mempunyai kemudahan - sering menghadapi masalah kewangan - atlet muda sering terpalit dengan isu doping - masalah amalan rasuah
(iii)	Penyertaan murid dalam bidang sukan di sekolah masih berada pada tahap yang tidak memuaskan. Ramai murid yang tidak mahu melibatkan diri dalam acara sukan di sekolah. <p>Huraikan pendapat anda tentang sebab-sebab murid sekolah bersikap sedemikian.</p> <p style="text-align: right;">[3 markah]</p> <ul style="list-style-type: none"> - jenis sukan yang ada di sekolah tidak menepati minat murid - jadual/masa aktiviti sukan tidak sesuai - kemudahan sukan di sekolah tidak lengkap - tiada program sukan yang berkesan - tiada insentif - lebih mementingkan akademik - tidak / kurang mengetahui faedah bersukan
(iv)	Usaha-usaha yang perlu anda lakukan untuk menjayakan hasrat sekolah. <ul style="list-style-type: none"> - beri contoh yang baik kepada rakan-rakan - beritahu faedah melibatkan diri dalam bidang sukan <p style="text-align: right;">[4 markah]</p>

	<ul style="list-style-type: none"> - mengenal pasti rakan-rakan yang berbakat - mengajak mereka menyertai pertandingan sukan di peringkat sekolah, daerah. - memberikan infomasi berkaitan aktiviti sukan / kejayaan rakan sekolah lain - mengesyorkan pertandingan sukan kepada pihak sekolah - mengesyorkan pihak sekolah menyediakan kemudahan dan peralatan sukan
--	--

SOALAN 7 – PETIKAN SASTERA

(i)	<ul style="list-style-type: none"> - sumber / punca pendapatannya - sumber / punca pencariannya - mata pendapatannya 	<p>2 markah 1 markah 1 markah</p>
(ii)	<p>Petua-petua</p> <p>Bahan 1</p> <p>P1 buat tapai ubi tak boleh bagi orang tahu P2 jangan kena kotoran atau minyak P3 tak / tidak boleh bising-bising</p> <p>Bahan 2</p> <p>P4 mengisi botol penyembur dengan separuh air dan separuh cuka. P5 menyemburkan campuran tersebut pada permukaan cermin P6 menggelap permukaan cermin itu dengan kertas surat khabar</p>	
<p>(Isi Cukup : 2 isi Maksimum : 3 Markah)</p>		
<p>Mesti 1 isi daripada Bahan 1 dan isi daripada Bahan 2</p>		
(iii)	<p>Panduan-panduan yang perlu saya amalkan untuk merealisasikan impian</p> <p>P1 Belajar bersungguh-sungguh P2 Sentiasa mentaati/mendengar nasihat ibu bapa / guru P3 Sentiasa mentaati perintah Tuhan P4 Berdoa kepada Tuhan agar berjaya pada masa hadapan P5 Menjauhi kegiatan-kegiatan negatif P6 Mengambil iktibar daripada kejayaan orang lain</p>	
<p>(Isi Cukup : 3 isi Maksimum : 4 Markah)</p>		
(iv)	<p>Tindakan yang boleh saya lakukan</p> <p>P1 Cuba mendapatkan nombor telefon pakar motivasi tersebut untuk berhubung dengan beliau Mencari pakar motivasi tersebut di laman sosial seperti Facebook, Instagram atau Twitter. P2 Mencari video pakar motivasi itu di saluran YouTube Menunggu siaran ulangan rancangan tersebut di televisyen P3 Meminta bantuan ibu bapa / guru / kawan untuk membantu saya berhubung dengan pakar motivasi itu P4 P5 Berusaha untuk berjumpa secara bersemuka dengan pakar motivasi tersebut Berhubung dengan pihak penerbit untuk mengetahui tarikh ulangan rancangan tersebut. P6 P7</p>	
<p>(Isi Cukup : 3 isi Maksimum : 4 Markah)</p>		

SOALAN 8 – NOVEL

Panduan Pemeriksa:

Panduan Pemarkahan bagi Soalan 8(ii)

- (i) Jawapan hendaklah berdasarkan **sebuah** daripada novel yang dinyatakan pada arahan soalan.
- (ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- (iii) Berikan **1 markah** untuk pernyataan peristiwa yang dapat memberikan kesedaran kepada pembaca yang lengkap/jelas.
- (iv) Berikan **1 markah** untuk penjelasan peristiwa yang dapat memberikan kesedaran kepada pembaca yang lengkap/jelas.
- (v) Markah isi maksimum **4 markah**.
- (vi) Markah bahasa maksimum **2 markah**.

[**Maksimum : 6 markah**]

- 8(i) Langkah-langkah mengatasi masalah jenayah pada waktu malam mengikut pandangan Nurul Hafsa
- P1. Mengadakan kawalan penguatkuasaan
- pemantauan oleh pihak berkuasa
 - langkah kawalan diambil sebelum jenayah itu berlaku
 - pasangkan gril
 - kunci rumah dengan baik
 - elakkan daripada melalui jalan-jalan sunyi
 - elakkan keluar malam

- 8(ii) Dua peristiwa yang menimbulkan perasaan simpati kepada pembaca

Novel Pantai Kasih

- Peristiwa: Unong Siron menjalani pembedahan berulang sebanyak enam kali di tempat yang sama sehingga terpaksa menahan kesakitan sepanjang pembedahan tersebut. Pembaca simpati kepada Unong Siron kerana terpaksa menjalani pembedahan secara berulang.
- Peristiwa: Doktor Raiha didesak oleh suaminya, Doktor Sadiz supaya menggugurkan kandungannya yang tidak normal. Pembaca simpati kepada Doktor Raiha yang dizalimi oleh suaminya yang tidak bertanggungjawab.
- Peristiwa: Seorang pemuda menyamar sebagai doktor dan mencero boh Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK) akibat tekanan perasaan. Pembaca simpati kepada doktor palsu tersebut yang kecewa kerana setelah gagal dalam peperiksaan semester terakhir jurusan perubatan, dia menjadi kurang siuman akibat mendengar kata negatif jiran tetangga dan tekanan daripada keluarga serta teman wanitanya sehingga mengambil tindakan yang kurang bijak.
- Peristiwa: Rohayu binti Sadiz atau Ayu terkorban akibat disambar api yang membakar kereta mewah Doktor Sadiz di tepi rumah tumpangan. Pembaca simpati kepada Ayu kerana menjadi mangsa kemarahan dan kekejaman bapa kandungnya sendiri.

- Peristiwa: Sister Felicia Landosi mengambil ubat batuk di bilik farmasi PRPK bagi menghilangkan tekanan dan kemurungan yang dialaminya.
Pembaca simpati kepada Felicia kerana dia terpaksa menjalani kehidupan yang penuh berliku sehingga terpaksa menenangkan perasaan dengan meminum ubat batuk.
- Peristiwa: Doktor Sadiz bersumpah tidak akan menceraikan Doktor Raiha sampai bila-bila kerana menganggap Doktor Raiha telah menjatuhkan maruah diri sebagai doktor pakar bedah di mata masyarakat.
Pembaca simpati kepada Doktor Raiha yang digantung tidak bertali oleh suaminya, Doktor Sadiz sehingga Doktor Raiha tidak dapat membebaskan diri daripada kekejaman suaminya itu.

(Terima peristiwa lain yang sesuai)

Novel Bimasakti Menari

- Peristiwa: Pada hari pertama Nurul Hafsa bertugas sebagai pegawai sains di Balai Cerap Sultan Salahuddin, dia kecewa kerana kumpulan pencerap cilik amatur dari Jepun serta pengiring mereka tidak dapat melihat bintang kerana langit di Kuala Selangor terlalu cerah akibat pencemaran cahaya.
Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kerana pada hari pertama bertugas Nurul Hafsa Nurul Hafsa sudah diuji apabila dia tidak dapat memenuhi impian pengunjung yang ingin melihat bintang.
- Peristiwa: Sekumpulan pencerap cilik amatur dari Jepun serta pengiring mereka tidak dapat melihat bintang kerana langit di Kuala Selangor terlalu cerah akibat pencemaran cahaya.
Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kerana hajat mereka yang datang dari jauh untuk mencerap bintang di Kuala Selangor tidak kesampaian.
- Peristiwa: Tan Sri Muhaimin meminta Muhammad Taufik mengikut ibunya ke Otago, New Zealand demi keselamatannya. Muhammad Taufik akur dengan kehendak ibu bapanya itu.
Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kerana Muhammad Hafiz keberatan untuk berpisah dengan Nurul Hafsa dan projek pelestarian alam sekitar yang sedang mereka usahakan.
- Peristiwa: Muhammad Taufik dipukul oleh orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid atas sebab dendam peribadi dan perniagaan.
Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kerana Muhammad Hafiz menjadi mangsa persengketaan antara Tan Sri Muhaimin dengan Dato' Johann Arlington-Majid.
- Peristiwa: Tan Sri Yahya menceritakan kepada Tan Sri Muhaimin yang anaknya, Zharif terlibat dalam kemalangan kerana mengambil arak dan dadah, manakala anak perempuannya, Hanina berpelakuan seksy dan berpakaian mencolok mata.
Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kerana Tan Sri Yahya menghadapi masalah keluarga yang boleh menjejaskan maruah dan statusnya.
- Peristiwa: Budiman dipukul oleh penjenayah (orang suruhan Dato' Johann Arlington-Majid) ketika meranduk semak samun untuk balik ke kereta selepas melakukan aktiviti pencerapan kelip-kelip bersama-sama Nurul Hafsa. Nurul Hafsa pula diculik oleh penjenayah tersebut.
Peristiwa ini menimbulkan perasaan simpati kerana Budiman dan Nurul Hafsa menjadi mangsa keadaan atas persengketaan Dato' Johann Arlington-Majid dengan Tan Sri Muhaimin. Nurul Hafsa pula dijadikan galang ganti untuk mendapatkan Muhammad Taufik.

(Terima peristiwa lain yang sesuai)

BAHAGIAN C : RUMUSAN
[30 Markah]

SOALAN 9 – RUMUSAN

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - 20 markah
(b) Bahasa - 10 markah

(a) Isi [20 markah]

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan.
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:
- nama khas
 - perkataan berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan 2 markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

BHG.	JUMLAH ISI	BILANGAN ISI YANG DITERIMA										MARKAH MAKSIMUM			
PENDMASUKKAN FOKUS 1, FOKUS 2 DAN FOKUS 3											2			
ISI BAHAN 1												16			
FOKUS 1	5	5	5	4	4	4	3	3	3	3	2			2	2
FOKUS 2	5	2	1	3	2	1	4	3	4	2	5			4	3
ISI BAHAN 2															
FOKUS 3	3	1	2	1	2	3	1	2	1	3	1	2	3		
JUMLAH	13	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8	8		
KESIMPULAN	SIAPA + TEMA + CADANGAN + HARAPAN											2			
	JUMLAH ISI											20			

Soalan 1 : Rumusan

Pendahuluan:

- P1 Bahan / Sumber / Rumusan membincangkan / tentang **kesan-kesan /akibat /keburukan, punca-punca / sebab-sebab / faktor** dan **langkah-langkah/cara-cara/** trauma kepada emosi manusia 2
- P2 Bahan/ Sumber/ Rumusan membincangkan / tentang **kesan-kesan /akibat /keburukan dan** langkah-langkah/cara-cara merawat **trauma kepada emosi manusia.** 1
- P3 Bahan/ Sumber/ Rumusan membincangkan / tentang **kesan-kesan /akibat /keburukan** dan **punca-punca/sebab-sebab/faktor trauma kepada emosi manusia** 1
- P4 Bahan/ Sumber/ Rumusan membincangkan / tentang **kesan-kesan /akibat /keburukan** ATAU **punca-punca/sebab-sebab/faktor** ATAU **langkah-langkah/cara-cara/** trauma kepada emosi manusia 1

Isi:

Fokus 1 – Bahan 1- Kesan-kesan /akibat /keburukan trauma kepada emosi manusia.

A1	gangguan mental
A2	sukar tidur/mengalami imsomnia yang serius
A3	tidak dapat menumpukan perhatian terhadap semua perkara yang dilakukan
A4	mudah terkejut, cepat marah dan panik dalam semua situasi
A5	sering berasa sedih dan bersalah

Fokus 2 – Bahan 1- Langkah-langkah/cara-cara/mengatasi trauma

B1	terapi bersama-sama ahli keluarga
B2	terapi kognitif tingkah laku perlu dijalani oleh pesakit
B3	mengambil ubat antikemurungan
B4	masyarakat tidak terlalu terbawa-bawa dengan masalah yang dihadapi
B5	perlu berkongsi masalah bersama-sama ahli keluarga

Fokus 3 - Bahan 2 - Punca-punca/sebab-sebab/faktor

C1	keperibadian yang lemah atau kurang percaya diri
C2	terjadinya konflik sosial
C3	pemahaman yang salah terhadap sesuatu perkara

Kesimpulan:

- | |
|---|
| 1. Kesimpulannya, masyarakat perlu membantu pesakit trauma agar mereka boleh menjalani kehidupan yang sihat. [2 markah] |
| 2. Kesimpulannya, semua pihak perlu membantu pesakit trauma. [1 markah] |

(b) Bahasa [10 markah]

Markah bahasa dinilai secara holistik berdasarkan penggunaan bahasa oleh calon dan bukan berdasarkan jumlah isi yang diperolehi. Asas pemberian markah bahasa adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual yang berikut :

PERINGKAT	MARKAH BAHASA	KRITERIA
CEMERLANG	8 - 10 markah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesenambungan ayat sangat baik ▪ Bahasa sangat gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu ▪ Penggunaan kosa kata luas dan tepat ▪ Pengolahan sangat menarik dan berkesan
BAIK	5 - 7 markah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesenambungan ayat baik ▪ Bahasa masih gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu ▪ Penggunaan kosa kata masih luas dan tepat ▪ Pengolahan masih menarik dan berkesan
SEDERHANA	3-4 markah	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Kesenambungan ayat kurang baik ▪ Bahasa kurang gramatis dari segi kosa kata dan ayat, penggunaan tanda baca yang masih betul dan tepat, ejaan mengikut sistem ejaan rumi baharu ▪ Penggunaan kosa kata kurang luas dan kurang tepat ▪ Pengolahan kurang menarik dan kurang berkesan
LEMAH	1 -2 markah	Pada keseluruhannya, penggunaan bahasa tidak memuaskan / pengolahan lemah.

c) Asas pemberian markah bahasa tidak bergantung kepada markah isi tetapi dinilai secara holistik.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

P	
A	
B	
C	
K	
I	
B	
J	

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT